

MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	15 Apr 2014	Readership	1,048,000
Circulation	138,805	Color	Full Color
Section	Hip	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
Page No	H23	PR Value	RM 79,122
AdValue	RM 26,374		



Ilustrasi akademi filem yang dibangunkan Ahmad Idham.

# Idham buka akademi

» Karyawan seni bangunkan AIFA, jalin kerjasama dengan Pinewood Studios lahirkan pembikin filem

Headline	Idham buka akademi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Hip	Color	Full Color
Page No	H23	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 26,374	PR Value	RM 79,122

### Oleh Farihad Shalla Mahmud

Suatu ketika dulu, karyawan seni ini pernah melahirkan hasrat menubuhkan akademi filem. Sebagai anak seni yang bermula dari bawah iaitu menjadi pelakon sebelum duduk di kerusi pengarah, Ahmad Idham Ahmad Nadzri cukup komited dan serius apabila berbicara mengenai bidang perfileman.

Baginya, dalam diri setiap anak seni, terletak tanggungjawab untuk melihat industri yang diceburinya mampu pergi lebih jauh atau setara dengan apa yang ditawarkan di luar negara.

Selepas sekian lama menyimpan hasrat dan berdikit membuat persiapan, akhirnya hasratnya itu bakal terlaksana. Jika tiada aral melintang, pertengahan bulan depan, akademi perfileman yang diberi nama Ahmad Idham Film Academy (AIFA) bakal mengambil kumpulan pelajarannya yang pertama.

#### Kursus konsep vokasional

“Kursus yang bakal ditawarkan AIFA lebih kepada konsep vokasional iaitu produksi penggambaran filem atau video yang lebih kepada teknikal seperti jurukamera, penataan cahaya dan teknik solekan perfileman.

“Akademi ini menjalin kerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan setiap pelajar akan diberi sijil kemahiran,” katanya ketika dihubungi *HIP*.

Ahmad Idham berkata, sebagai pengarah dan penerbit, beliau sangat memahami apa yang diperlukan industri. Pelbagai kesukaran untuk mendapatkan

tenaga kerja profesional terutama dalam kerja belakang tabir membuatkan beliau

terpanggil menubuhkan akademi ini.

“Kebetulan kewujudan akademi ini mendapat sokongan dan kerjasama Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) dan Pinewood Studios.

“Bekerjasama dengan mereka memberi kelebihan kerana Pinewood Studios sering membawa masuk tenaga profesional dari luar dan secara tidak langsung mereka boleh berkongsi ilmu dengan pelajar akademi kami,” ujarnya.

#### Sanggup sambung PhD

Untuk menguruskan akademi perfileman itu, Idham sanggup menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah (PhD) di Universiti Utara Malaysia (UUM), khusus kepada kajian mengenai industri perfileman di Malaysia.

Tambah pelakon yang dikenali menerusi drama bersiri *Cinderella* itu, industri perfileman tanah air memerlukan pangkalan data yang teratur bagi memudahkan produksi dari dalam dan luar negara mendapatkan khidmat pekerja filem.

“Apa yang berlaku sekarang, kebanyakan mereka yang terbabit dalam kerja belakang tabir memulakan kerja tanpa ada pengetahuan profesional. Justeru dengan adanya akademi ini, kami bukan saja menawarkan ilmu tetapi juga peluang kerja. Ini kerana kami juga akan bekerjasama dengan produksi sedia ada.

“Selain itu, setiap kali ada produksi luar yang mahu mencari tenaga pekerja, kita tidak ada pangkalan data yang memudahkan mereka mendapatkan pekerja profesional. Akademi kami akan menawarkannya dan semua pelajar kami akan dimasukkan ke dalam pangkalan data untuk kemudahan semua pihak,” katanya.

#### Berpindah ke Johor

AIFA ditubuhkan di Nusajaya, Johor dan untuk tempoh sementara, akademi itu akan beroperasi di rumah kedai sebelum berpindah ke lokasi seluas dua hektar.

Dengan terbukanya AIFA, Idham dan keluarga akan berpindah ke Johor dan menetap di negeri itu.

“Sebenarnya, saya sudah lama ingin menetap di Johor. Saya mempunyai seorang anak istimewa dan disebabkan keadaannya itu, saya dan isteri ingin menghantarnya di sebuah sekolah khas di Singapura.

“Disebabkan waktu itu kami menetap di Kuala Lumpur, agak sukar untuk saya berbuat demikian. Sehubungan itu, apabila mendapat peluang menguruskan akademi berkenaan, secara tidak langsung ia membolehkan kami meneruskan hasrat itu,” katanya yang merangkul anugerah Pengarah Harapan pada Festival Filem Malaysia 2004.

Maklumat lanjut mengenai kursus ditawarkan AIFA boleh hubungi 016-9028216 (Puan Anis).



Headline	Idham buka akademi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Apr 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Hip	Color	Full Color
Page No	H23	ArticleSize	782 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 26,374	PR Value	RM 79,122



**“**  
**Kursus yang bakal ditawarkan AIFA lebih kepada konsep vokasional**  
*iaitu produksi penggambaran filem atau video yang lebih kepada teknikal seperti jurukamera, penataan cahaya dan teknik solekan perfileman”*

**Ahmad Idham**  
**Ahmad Nadzri,**  
 Pengarah